BUZZKINI

MSM Nafi Dakwaan Cuba Paksa Pengguna Beli Gula Premium [Video]

BY NUR FATIN
SEPTEMBER 18, 2023

MSM turut mendakwa bahawa kerajaan telah menghentikan pemberian subsidi kepada industri gula tempatan dan tiada pelarasan harga dibuat sejak tahun 2013.

Isu mengenai barangan asas antaranya seperti beras, minyak dan gula menjadi isu utama yang sering menjadi bualan hangat dalam kalangan rakyat sejak akhir-akhir ini.

Selain daripada masalah kenaikan harga beras yang mendadak, masyarakat turut dihidangkan dengan isu berkaitan pembelian gula.

Pada minggu yang lalu, tular satu video yang mendakwa pengguna ditetapkan syarat perlu membeli gula kasar premium yang harganya jauh lebih mahal bagi mendapatkan gula kasar yang biasa.

Malah, dalam video yang sama juga, seorang pengguna wanita turut mempersoalkan perbezaan harga yang ketara antara dua jenis gula berkenaan serta bekalan gula kasar premium yang dilihat lebih banyak di pasaran berbanding gula biasa.

MSM Jawab Persoalan Netizen, Gula Premium Bukan Ganti Gula Sedia Ada

Susulan daripada topik hangat mengenai isu ini, syarikat pengeluar gula iaitu MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM) telah memuat naik satu video bagi menjawab persoalan pengguna berhubung perbezaan gula kasar dan gula super jenama Gula Prai keluaran mereka.

Menerusi video yang dikongsikan di akaun TikTok rasmi syarikat itu, syarikat berkenaan menjelaskan bahawa kerajaan telah membenarkan dua syarikat pengeluar gula tempatan mengeluarkan gula bertapis jernih atau dikenali sebagai Gula Super bermula 25 Mei 2023.

Namun, ia bukanlah bertujuan untuk menggantikan bekalan gula putih sedia ada.

"Gula Super diproses untuk rasa yang lebih manis, putih dan jernih," tulis syarikat berkenaan menerusi kenyataan di video tersebut.

Malah, pelanggan mempunyai pilihan untuk membeli produk gula mengikut keperluan dan pilihan masing-masing.

Harga Gula Super Ditentukan Oleh Pasaran & Tidak Dikawal Kerajaan

Tambah syarikat itu lagi, kerajaan tidak mengawal harga Gula Super sebaliknya harga gula berkenaan ditentukan oleh pasaran.

"MSM juga tidak mengenakan sebarang sekatan untuk peruncit menjual Gula Super atau gula putih biasa," tambah mereka lagi.

Tidak Terima Subsidi & Tiada Pelarasan Harga

Syarikat itu juga turut mendakwa bahawa kerajaan telah menghentikan pemberian subsidi kepada industri gula tempatan dan tiada pelarasan harga dibuat sejak tahun 2013.

Walau bagaimanapun, harga barang asas rakyat itu masih lagi dikawal oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN).

Susulan daripada kenaikan harga gula ini, syarikat berkenaan memohon agar orang ramai yang terkesan terutamanya bagi mereka yang sukar mendapatkan bekalan gula membuat laporan kepada KPDN.

"Para pengguna boleh melaporkan sebarang aduan berkaitan gula kepada KPDN di talian bebas 1-800-866-800 atau email kepada e-aduan@kpdn.gov.my.

***

HEADLINE	MSM Nafi Dakwaan Cuba Paksa Pengguna Beli Gula Premium
MEDIA	Buzzkini - Online
DATE	18 September 2023
BY	Nur Fatin
LINK	**https://www.buzzkini.com/trending/2023/09/18/msm-nafi-dakwaan-cuba-paksa-pengguna-beli-gula-premium-video/**